



KENYATAAN MEDIA HARI KE-42

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU Pengerusi SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Kerajaan Negeri melalui Sabah COVID-19 Command Centre ingin memaklumkan bahawa kebenaran beroperasi yang dikeluarkan sebelum ini bagi perkhidmatan *essential goods* dan *essential services* serta semua kebenaran khas **dilanjutkan sehingga 12 Mei 2020** mengikut Tatacara Pengoperasian yang telah ditetapkan.

Pada hari ini, Kerajaan Negeri juga telah memutuskan seperti berikut:

1. PENGOPERASIAN JETI PERSENDIRIAN

Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan jeti-jeti persendirian di Sabah beroperasi.

- (a). Sepuluh (10) jeti persendirian bagi aktiviti pengendalian minyak sawit dengan pipeline
- (b). Tiga puluh Dua (32) jeti persendirian bagi aktiviti pengendalian pemungahan buah tandan segar kelapa sawit
- (c). Dua (2) jeti persendirian bagi aktiviti pengendalian petroleum & gas

2. PENGOPERASIAN KILANG BAJA

Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan tiga puluh tiga (33) syarikat kilang baja berlesen di Sabah beroperasi untuk memenuhi keperluan tempatan sahaja dan bukan untuk dieksport.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
28 April 2020 | 10.00 pagi